

17 FEB 1999

Ling-Cina

MASYARAKAT CINA TIDAK PERSOAL KEPIMPINAN DR MAHATHIR

RAWANG, 17 Feb (Bernama) -- Masyarakat Cina di negara ini tidak mudah dipengaruhi oleh propaganda pihak tertentu yang mempersoalkan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata sebaliknya masyarakat Cina mahu Dr Mahathir terus memimpin negara ini selagi keadaan kesihatan dan fikirannya terus mengizinkan.

"Saya yakin mereka tidak terpengaruh dan masyarakat Cina menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan Barisan Nasional," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Tahun Baru Cina ajuran MCA Bahagian Selayang di sini.

Dr Ling berkata demikian ketika ditanya sama ada masyarakat Cina juga turut terpengaruh oleh propaganda golongan tertentu yang memburuk-burukkan kerajaan dan mempersoalkan kepimpinan Dr Mahathir.

Semalam Dr Mahathir menyatakan beliau akan menjelajah ke seluruh negara untuk menerangkan kepada rakyat yang terkeliru dengan dakwah pihak tertentu yang mengambil kesempatan keadaan kegawatan ekonomi untuk memburuk-burukkan kerajaan dan pemimpin dengan tujuan meruntuhkan kestabilan negara.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail dan pemimpin MCA yang lain.

Mengenai gesaan beberapa pelajar Malaysia di London yang mahukan Dr Mahathir berundur Dr Ling berkata ia cuma suara golongan minoriti dan bukan sesuatu yang perlu diberikan perhatian.

"Kalau dulu ada kumpulan Gagasan yang berhasrat melantik Datuk Nik Aziz Nik Mat menjadi Perdana Menteri tetapi masyarakat Cina mahukan Dr Mahathir terus memimpin negara," katanya.

Dr Ling juga berkata sambutan tahun baru Cina yang dihadiri oleh pelbagai masyarakat akan dapat mengeratkan lagi perhubungan antara kaum di negara ini.

"Kalau di negara lain kegawatan ekonomi menyebabkan rusuhan antara kaum tetapi di negara ini rakyat terus bersatu padu dan ini petanda baik yang kita akan mengatasi kegawatan ekonomi pada Tahun Arnab," katanya.

-- BERNAMA

MT/ARA LAT